

PR1MA Perkenal Model Baharu Rumah Untuk Golongan Muda

Bernama

Jun 25, 2014

ROMPIN, 25 Jun (Bernama) -- Kerajaan akan memperkenalkan rumah model baharu di bawah projek Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA) khusus untuk golongan muda yang berpendapatan rendah di negara ini.

Pengerusi Perbadanan PR1MA Tan Sri Dr Jamaluddin Jarjis berkata rumah separuh berkembar (semi-D) itu akan dijual pada harga di bawah RM100,000 dengan projek perintis dilaksana di Teluk Intan.

"Rumah PR1MA model baharu itu antara lain mempunyai ciri tapak keluasan tanah 20 kaki x 70 kaki dengan sebuah bilik tidur, ruang tamu dan dapur kecil yang boleh diubah suai pada masa depan.

"Kita membinanya mengikut pelan rumah yang mempunyai tiga bilik bagi membolehkan pembelinya melakukan pengubahsuaian apabila ahli keluarga mereka telah bertambah nanti," katanya kepada pemberita selepas menghadiri majlis penyampaian zakat Kumpulan Teras Dara Konsortium (TDK) di Dewan Angkat Berat Rompin, di sini Rabu.

Beliau berkata model baharu itu diperkenal berdasarkan kajian pasangan muda yang baharu berkahwin tidak memerlukan ruang yang luas.

Sementara itu, Jamaluddin berkata pihaknya juga sedang mengkaji untuk memanfaatkan tanah rizab melayu (TRM) bagi pembinaan PR1MA.

Langkah itu katanya boleh membantu mengurangkan kos pembinaan rumah PR1MA sehingga 50 peratus memandangkan harga TRM lebih murah berbanding tanah kategori biasa.

Sekali gus ini akan mengurangkan lagi harga rumah PR1MA yang dijual kepada rakyat, katanya.

Bagaimanapun menurut Jamaluddin perkara itu akan dibincangkan lebih lanjut pada peringkat Lembaga Pengarah PR1MA sebelum dibawa kepada Perdana Menteri Datuk

Seri Najib Tun Razak.

Beliau juga berkata setakat ini PR1MA menerima 600,000 permohonan untuk mendapatkan rumah di bawah program itu.

Katanya sehingga kini pembinaan sebanyak 80,000 rumah PR1MA telah diluluskan daripada 500,000 yang disasar akan dibina dalam tempoh lima tahun.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1049155>